



PELAN *STRATEGIK* 2024 - 2028

JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PAHANG

KATA ALU-ALUAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya dapat kita meneruskan kehidupan serta menjalankan amanah sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Saya sangat gembira dengan terbitnya Pelan Strategik Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang (JPSP) 2024-2028. Pelan strategik ini merupakan panduan kepada semua warga kerja Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang melaksanakan tugas dengan lebih terancang dan teratur.

Saya berharap Pelan Strategik Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang akan menjadi suatu dokumen yang penting sebagai panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang lebih fokus dan terancang dalam memberi kepuasan kepada pelanggan. Kita mestilah membuat perancangan yang terbaik sebagai suatu persediaan dalam menghadapi perubahan perundangan yang di luar jangkaan. Sekiranya perancangan rapi tidak diwujudkan maka ia akan menyebabkan jabatan ini gagal untuk berhadapan dengan isu-isu semasa.

JPSP mengambil inisiatif dengan mengemukakan tiga teras dan tujuh pelan strategik sebagai langkah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Selain itu, JPSP akan memantapkan sistem penyampaian dengan menggunakan semua akses. Saya amat berharap warga kerja JPSP memahami dan menghayati seterusnya melaksanakan segala perancangan dan tindakan yang telah kita tetapkan.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah atas komitmen yang tinggi daripada semua pihak untuk menyediakan pelan strategik ini. Semoga apa yang diusahakan ini, akan memberikan hasil yang baik pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Haji Salehuddin bin Abdul Manaf, AMP

Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik JPSP diterbitkan dengan hasrat untuk memperkukuhkan pendakwaan syariah dengan adil, cekap dan berintegriti melalui pemantapan tadbir urus di negeri Pahang. Bagi mencapai hasrat tersebut, pelan strategik ini menggariskan tiga (3) Teras Strategik yang menjadi tunjang utama iaitu :

1. Melaksanakan Pendakwaan Syariah secara adil dan cekap dalam memperkukuhkan undang-undang jenayah syariah
2. Memperkukuhkan penyelidikan perundangan bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran keadilan jenayah syariah
3. Memperkasakan tadbir urus organisasi untuk menjamin penyampaian perkhidmatan yang cemerlang

Ketiga-tiga teras ini perlu dilaksanakan oleh empat (4) bahagian JPSP seperti berikut:

1. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan
2. Bahagian Penyelidikan Undang-Undang
3. Bahagian Pendaftaran dan Rekod
4. Bahagian Khidmat Pengurusan

Pencapaian setiap program dan aktiviti di bawah tiga (3) Teras Strategik tersebut, akan ditentukan menerusi Indek Petunjuk Prestasi yang menjadi penanda aras atau Key Performance Indicator (KPI). Sungguhpun sasaran bagi setiap program telah ditentukan namun program tersebut boleh dipinda dan diadaptasi, sesuai dengan situasi dan keperluan semasa. Matlamat pelan strategik ini adalah untuk mencapai kepuasan pihak berkepentingan, rakan strategik dan pelanggan.

Semoga dengan pelaksanaan pelan strategik ini, JPSP akan menjadi peneraju perundangan dan pendakwaan syariah yang berakauntabiliti.

SEJARAH PENUBUHAN JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PAHANG

Berdasarkan cabutan minit mesyuarat, Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke- 56 pada 16 Januari 2014, telah bersetuju akan perkara-perkara berikut antaranya;

- 1 Pengasingan Bahagian Pendakwaan daripada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) untuk dinaik taraf kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri;

Susulan dari itu, satu memorandum cadangan telah diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah bersidang pada 20 Mac 2015, dengan menimbang dan bersetuju antaranya;

- 2 Dengan pengasingan Bahagian Pendakwaan Syariah di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) untuk dinaik taraf kepada sebuah jabatan yang dinamakan “Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri ”.


Di peringkat Negeri Pahang, usaha ke arah pengasingan ini telah dibuat mulai tahun 2014 lagi. Cabutan minit mesyuarat, Mesyuarat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang kali ke-163 yang bersidang pada 21 Oktober 2014 telah bersetuju dengan cadangan pengasingan serta penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang.

Berikutan itu juga, satu cabutan minit mesyuarat, Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) Pahang Bil.24/2016, pada 27 Julai 2016, telah bersetuju meluluskan cadangan menjadikan Bahagian Pendakwaan Syariah di Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) sebagai satu jabatan baharu dengan nama Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang dan mula beroperasi secara rasminya pada 1 Januari 2017.

CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI PAHANG

KETUA PENDAKWA SYARIE, PEGAWAI SYARIAH GRED LS52



FUNGSI & PERANAN BAHAGIAN



PUNCA KUASA

1

Perlembagaan
Persekutuan

2

Undang-undang Tubuh
Negeri Pahang

3

Enakmen Pentadbiran
Undang-undang Islam 1991
(No.3/91)

4

Enakmen Kesalahan
Jenayah Syariah 2013
(No.11/2013)

5

Enakmen Tatacara
Jenayah Syariah 2002
(No.8/2002)

6

Enakmen Keterangan
Mahkamah Syariah 2005
(No.4/2005)

7

Enakmen Undang-undang
Keluarga Islam 2005
(No.3/2005)

SENARIO PERSEKITARAN

Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik

2.1 ISU-ISU/CABARAN-CABARAN

Bersesuaian perubahan era globalisasi Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang (JPSP) turut berhadapan isu dan cabaran dalam memastikan visi & misi jabatan tercapai. Antara isu dan cabaran yang dikenal pasti adalah :-

1 Memantapkan & Memperkasakan Undang-undang

- Isu perundangan yang semakin kompleks dan rumit
- Perkembangan/perubahan corak dan bentuk jenayah seiring dengan perkembangan arus teknologi seperti jenayah siber
- Kekangan bidangkuasa/undang-undang

3 Memantapkan tadbir urus jabatan dan kompetensi jabatan

- Penguasaan bidang kepakaran (kewangan, pendakwaan dll)
- Keperluan kursus/latihan
- *Brain drain* dalam organisasi

2 Memantapkan Pengurusan Kes Pendakwaan

- Menambah baik sistem pengurusan fail sedia ada
- Peralihan sistem lama kepada sistem baru
- Proses dan tatacara kerja ditambah baik dari masa ke masa
- Meningkatkan kompetensi pendakwa syarie

4 Mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi

- Ketiadaan pakar/sumber/tenaga kerja melibatkan bidang ICT
- Kekangan peralatan dan ruang kerja

PIHAK BERKEPENTINGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDERS)

1. KDYMM Sultan Pahang
2. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (SUKNP)
3. EXCO Kerajaan Negeri Pahang
4. Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP)
5. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
6. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

RAKAN STRATEGIK

1. Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP)
2. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP)
3. Penasihat Undang-Undang Negeri
4. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
5. Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri - Negeri
6. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
7. Pertubuhan bukan kerajaan
8. Jabatan Kimia
9. Kementerian Kesihatan Malaysia
10. IPTA/IPTS

PELANGGAN

1. Peguam Syarie
2. Orang Yang Didakwa

HALA TUJU STRATEGIK

PENERAJU PERUNDANGAN
DAN PENDAKWAAN SYARIAH
YANG BERAKAUNTABILITI

VISI

MISI

MEMPERKUKUHKAN PENDAKWAAN
SYARIAH DENGAN ADIL, CEKAP DAN
BERINTEGRITI MELALUI PEMANTAPAN
TADBIR URUS

Perkhidmatan Teras	Pendakwaan
Kumpulan Sasar	Orang Yang Melakukan Kesalahan Di Negeri Pahang
Tujuan Perkhidmatan Diberi	Melaksanakan Peruntukan Undang-Undang Syariah Yang Berkuatkuasa
Kaedah Penyampaian Perkhidmatan	Berlandaskan Hukum Syarak Dan Undang-Undang
Nilai Penyampaian Perkhidmatan	Adil, Cekap Dan Berintegriti

NILAI - NILAI BERSAMA

J

JUJUR

Melaksanakan tugas dengan jujur bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan.

PROFESIONAL

Bertindak secara profesional dan bertanggungjawab untuk kesejahteraan ummah.

P

S

STRATEGI

Bertindak secara cekap dan terancang dalam pelaksanaan pendakwaan bagi mencapai visi dan misi Jabatan.

PEKA

Sentiasa peka terhadap isu-isu perundangan dan pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia.

P

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1

MELAKSANAKAN PENDAKWAAN SYARIAH SECARA ADIL DAN CEKAP DALAM MEMPERKUKUHKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

STRATEGI

2

PROGRAM

8

1 MEMPERKUKUHKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

2 MEMASTIKAN PENGURUSAN PENDAKWAAN YANG CEKAP

TERAS STRATEGIK 1: MELAKSANAKAN PENDAKWAAN SYARIAH SECARA ADIL DAN CEKAP DALAM MEMPERKUKUHKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

STRATEGI 1		MEMPERKUKUHKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Kolokium Perundangan Syariah	Bilangan Program	Sekali setahun	2024-2028	BPR BPU
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang	Bilangan Mesyuarat	2 kali setahun	2024-2028	BPR BPU
3.	Diskusi Undang-Undang dan Kes	Bilangan Program	2 kali setahun	2024-2028	BPU BPR

TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI 2		MEMASTIKAN PENGURUSAN PENDAKWAAN YANG CEKAP			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Muzakarah Pendakwa Syarie	Bilangan Program	2 kali setahun	2024-2028	BPR BPU BPRD
2.	<i>Mock Trial</i> (Simulasi Perbicaraan)	Bilangan Mesyuarat	1 kali setahun	2024-2028	BPR BPRD
3.	Smart Pendakwa	Bilangan Program	2 tahun sekali	2024-2028	BPU BPRD
		Peratus peningkatan disiplin pegawai	80%	2024-2028	
4.	<i>Backlog Cases Plan</i> (Pelan Kes Tertunggak)	Bilangan fail tertunggak yang selesai	70%	2024-2028	BPR
5.	Arahan KPS Dan Pekeliling KPS	Bilangan Arahan Dan Pekeliling	2 tahun sekali	2024-2028	BPR

TERAS STRATEGIK 2

TERAS STRATEGIK 2

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS PENYELIDIKAN PERUNDANGAN BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PERLAKSANAAN PENDAKWAAN SYARIAH

STRATEGI

3

PROGRAM

11

1 MENGHASILKAN PENYELIDIKAN BERKUALITI KES JENAYAH SYARIAH

2 MEWUJUDKAN SISTEM PENGURUSAN PUSAT SUMBER YANG SISTEMATIK

TERAS STRATEGIK 2: MEMPERKUKUHKAN PENYELIDIKAN PERUNDANGAN BAGI MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN PENGIKTIRAFAN JABATAN

STRATEGI 1		MENGHASILKAN PENYELIDIKAN BERKUALITI KES JENAYAH SYARIAH			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Kompilasi kes-kes terpilih	Bilangan kompilasi	1 kompilasi setahun	2024-2028	BPU/BPR
2.	Penerbitan buletin / artikel	Bilangan buletin / artikel	1 buletin / artikel setahun	2024-2028	BPU
3.	Mewujudkan Kit Pendakwaan	Bilangan Kit Pendakwaan	1 KIT	2024-2028	BPU

TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI 2		MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN PENGIKTIRAFAN JABATAN			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Mendapatkan pensijilan ISO ABMS	Bilangan Pensijilan	1 Pensijilan	2024-2028	BPU
2.	Mewujudkan Pelan Tindakan Anti Rasuah	Bilangan Pelan Tindakan	1 Pelan Tindakan	2024-2028	BPU
3.	Menganjurkan Simposium Perundangan	Bilangan Simposium	1 Simposium Setahun	2024-2028	BPU / BKP
4.	Melaksanakan Program CSR	Bilangan CSR	1 CSR Setahun	2024-2028	BPU / BKP

STRATEGI 2		MEWUJUDKAN SISTEM PENGURUSAN PUSAT SUMBER YANG BERSISTEMATIK			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Pembelian dan Pengkatalogan Buku dan Jurnal	Bilangan Buku	30 buah buku Setahun	2024-2028	BPU
2.	Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Maklumat Pusat Sumber	Bilangan Garis Panduan	2 garis panduan	2024-2028	BPU
3.	Mewujudkan Sistem E-Library	Bilangan Sistem	1 Sistem	2024-2028	BPU
4.	Hari Membaca JPSP	Bilangan Hari	12 hari setahun	2024-2028	BPU

TERAS STRATEGIK 3

TERAS STRATEGIK 3

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI UNTUK MENJAMIN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG

STRATEGI

3

PROGRAM

7

1 PENGUKUHAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

2 PEMANTAPAN BUDAYA INTEGRITI DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM ORGANISASI

3 PEMERKASAAN PENGURUSAN REKOD JABATAN

TERAS STRATEGIK 3: MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI UNTUK MENJAMIN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG

STRATEGI 1		PENGUKUHAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Penstrukturan Semula Organisasi	Bilangan Program	1 Program	2024-2028	BKP
2.	Projek Bangunan JPSP	Bilangan Bangunan	1 Bangunan	2024-2028	BKP

TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI 1		PENGUKUHAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
2.	Pembangunan Modal Insan (a) PENGANJURAN PROGRAM i. PEMANTAPAN KOMPETENSI PEGAWAI <ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran Seni Pendakwaan • Pengurusan Kes • Penghujahan Berkualiti • Pengendalian Barang Kes • Bacaan Undang-Undang ii. LATIHAN TADBIR URUS <ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • ICT(laman web, e-jinayat, e-dakwa) • HRMIS • Pengurusan Aset dan Stor • Keselamatan • Pengurusan Fail • Kepimpinan 	Bilangan Program	4 Program Setahun	2024-2028	BKP BPU

TERAS STRATEGIK 3


STRATEGI 2		PEMANTAPAN BUDAYA INTEGRITI DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM ORGANISASI			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Ceramah Pengukuhan Nilai Integriti	Bilangan Ceramah	2 Kali Setahun	2024-2028	BPU BKP

STRATEGI 3		PEMERKASAAN PENGUKUHAN REKOD JABATAN			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Naik Taraf Sistem E-Dakwa ke Versi 2	Bilangan Naik taraf	2 Tahun Setahun	2024-2028	BRPD
2.	Manual Fail Urusan Fungsian Pendakwaan	Bilangan manual	1 manual	2024-2028	BRPD
3.	Sistem E-Stor	Bilangan sistem	1 sistem	2024-2028	BKP
4.	Sistem Dokumen & Fail (DDMS)	Bilangan sistem	1 sistem	2024-2028	BKP

MEKANISME PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

Jawatankuasa Pengurusan Strategik Dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik ditubuhkan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program-program yang dirancang. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai penyelaras dalam memantau, menilai pencapaian dan mengkaji semula pelan strategik berdasarkan pengukuhan dan pelan tindakan yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan Pelan tindakan sebagaimana berikut:



PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

Pemantauan dan pengurusan prestasi dikendalikan oleh :



PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK

Tempoh Masa Pemantauan Pelan Strategik- 6 bulan

Penilaian Pencapaian- Setiap tahun

Penilaian Keberkesanan & kajian semula pelan strategik- Setiap 6 bulan

IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

5.1 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Mekanisme ini berfungsi bagi memastikan pelaksanaan program mencapai sasaran yang ditetapkan.

Bagi memastikan setiap bahagian di Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang menjalankan fungsi dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh lima(5) tahun ini, strategi dan pelan tindakan akan dibuat pemantauan dan kajian sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada setiap bulan Januari dan Julai (2024-2028).

5.2 ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Struktur Organisasi Dan Sumber Manusia

Penstrukturan semula organisasi merangkumi pengukuhan perjawatan dan tenaga kerja yang kompeten dalam melaksanakan arahan serta mampu menghasilkan kualiti kerja yang optimum. Warga kerja juga perlu menyesuaikan diri dengan segala perubahan agar seiring dengan kehendak pihak berkepentingan (*stakeholder*).

Sokongan Pengurusan Atasan

Kepekaan pihak pengurusan atasan dalam mendengar keperluan dan pandangan warga kerja Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang dapat mewujudkan sistem perhubungan dua hala dalam melancarkan jentera pentadbiran.

Penggunaan Teknologi

Penggunaan sistem dan peralatan ICT dalam budaya kerja boleh menjadikan tugas lebih mudah, efisien dan cepat.

Infrastruktur

Kemudahan Infrastruktur yang lengkap akan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, ceria dan selesa.

Budaya Kerja Berintegriti

Membentuk budaya kerja yang komprehensif dan berdaya saing agar dapat mewujudkan nilai-nilai murni dalam organisasi.

RANTAIAN KE HADAPAN (WAY FORWARD)

5.3 RANTAIAN KE HADAPAN (WAY FORWARD)

Pelan Strategik Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang merupakan pelan yang menetapkan hala tuju jabatan untuk tempoh lima (5) tahun akan datang bermula tahun 2024 sehingga tahun 2028.

Pelan ini merangkumi penyediaan perkhidmatan kepada pihak berkepentingan, rakan strategik dan pelanggan untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lebih komited dan profesional serta berlandaskan integriti dan akauntabiliti.

Sebagai peneraju, Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang komited dalam memperkukuhkan pendakwaan syariah yang adil, cekap dan berintegriti.

Justeru itu, semua kakitangan Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang perlu bekerja sebagai satu pasukan bagi memastikan visi dan misi yang telah ditetapkan tercapai. Jaringan kolaborasi strategik antara Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang dan pelbagai agensi menerusi pelaksanaan Pelan Strategik ini akan terus diperkasa.

RUMUSAN

Pelan Strategik JPSP 2024 – 2028 dibangunkan bagi menyediakan hala tuju yang lebih fokus untuk memacu visi dan misi JPSP yang telah digariskan. Hal ini sejajar dengan perkembangan perundangan jenayah Syariah yang semakin mencabar.

JPSP akan memastikan seluruh warganya komited dalam melaksanakan tiga (3) teras strategik yang telah digariskan di bawah pelan strategik ini. Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang secara bersepadu agar selari dengan aspirasi jabatan untuk menjadi agensi pendakwaan Syariah yang berakauntabiliti pada tahun 2028.

Pelan strategik ini diharapkan dapat meningkatkan budaya kerja yang tegas, efisien dan berintegriti. JPSP merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama membantu dalam membangunkan Pelan Strategik JPSP 2024-2028.